



TEKS UCAPAN
YB. DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

MAJLIS PERASMIAN HARI TERBUKA KEBAJIKAN 2016
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

“Kesepaduan Antara Generasi, Memperkukuh Inklusiviti”.

Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi
19 November 2016 (Sabtu)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Salam Sejahtera, Salam Kebajikan.

<SALUTASI>

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita dapat bersama-sama hadir ke majlis yang bermakna pada hari ini iaitu **Majlis Hari Terbuka Kebajikan 2016 bersempena dengan ulangtahun ke-70** perkhidmatan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

2. **Saya ingin menyampaikan rasa penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua warga JKM** memberikan sepenuh komitmen dalam satu bidang kerjaya yang menuntut keluhuran hati, pengorbanan masa dan tenaga malah boleh dikatakan kerja kebajikan yang sungguh murni dilakukann untuk saham di akhirat. **Tahniah untuk anda semua!**

HARI TERBUKA KEBAJIKAN

3. Pada hari ini **saya berasa amat bertuah** kerana dapat bersama-sama dengan seluruh kumpulan sasaran KPWKM yang disatukan di bawah satu **program mega buat pertama kalinya** iaitu **Hari Terbuka Kebajikan** dengan gabungan 4 perayaan pada hari ini iaitu **Hari Warga Emas, Hari Kanak-kanak, Hari OKU dan Hari Sukarelawan.**

4. Selain itu saya dapati bahawa program ini menepati kehendak **Teras Strategik Transformasi Perkhidmatan Awam** iaitu merakyatkan penyampaian perkhidmatan awam, dan juga mengintegrasikan semua kumpulan sasar di bawah Kementerian selari dengan tema sambutan pada hari ini iaitu **“Kesepaduan Antara Generasi, Memperkukuh Inklusiviti”**.

Sidang hadirin yang dimulakan

USAHA MENTRANSFORMASI JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

5. Seajar dengan program Transformasi Kerajaan, saya berasa amat bangga, pada usia 70 tahun JKM memberikan perkhidmatan kepada kumpulan sasar, Kerajaan telah memberi pengiktirafan kepada usaha transformasi JKM melalui **pengiktirafan Pusat Latihan Pemulihan dan Perindustrian (PLPP), Bangi** sebagai pusat kecemerlangan latihan dan penyelidikan bagi OKU.

6. Mengambil inspirasi RMK-11 di bawah pemacu perubahan mendokong hak dan kesaksamaan OKU, maka pada hari ini Majlis Hari Terbuka Kebajikan diadakan di PLPP Bangi. Kementerian mensasarkan melalui pusat kecemerlangan ini sekurang-kurangnya seramai **1,000 orang OKU** akan mendapat manfaat dari segi latihan dan pembangunan kapasiti bagi **tempoh 5 tahun akan datang**.

9. Bagi membantu golongan B40 agar keluar dari kepompong kemiskinan, JKM juga sedang melaksanakan satu program transformasi iaitu **mendayaupayakan kumpulan B40 melalui konsep kebajikan produktif atau *productive welfare***. Di bawah konsep ini satu projek rintis telah diperkenalkan di Negeri Sembilan dan Perlis iaitu **program 2 years exit policy melibatkan 500 orang klien Jabatan**. Projek ini bertujuan meningkatkan kemandirian klien dan seterusnya mengeluarkan klien daripada kepompong kemiskinan.

10. **Bagi kecemerlangan warga emas**, salah satu projek transformasi JKM ialah mengangkat warga emas melalui penubuhan pusat kecemerlangan warga emas. Jabatan sedang merangka **Pelan Strategik Kecemerlangan Rumah Seri Kenangan** yang merangkumi aspek pemulihan, perlindungan, pembangunan kapasiti dan pembangunan kesihatan kepada warga emas.

11. Seperti mana yang hadirin sedia maklum, Malaysia akan menjadi negara tua menjelang 2035, oleh itu sebagai persiapan, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak **RM 500,000 kepada JKM** untuk menjalankan kajian berkaitan keperluan sebuah negara menua. Justeru itu, JKM dengan kerjasama **Universiti Putra Malaysia (UPM)** sedang dalam **peringkat terakhir menyediakan kajian bertajuk Direktori Kemudahan dan Perkhidmatan Warga Emas Menjelang Negara Menua Pada Tahun 2030**. Hasil kajian ini akan dijadikan panduan dalam hala tuju pelaksanaan program warga emas di Malaysia pada masa akan datang.

12. Dalam **konteks sukarelawan pula**, JKM juga telah membuat transformasi dan lonjakan terhadap perkhidmatan sukarelawan kebajikan sehingga memberikan impak yang tinggi kepada masyarakat. Ini terbukti melalui program *Homehelp* (Khidmat Bantu di Rumah) yang telah dilaksanakan oleh seramai **2,500 orang sukarelawan sejak tahun 2013** dan telah memberi manfaat kepada seramai **5,000 orang warga emas dan OKU**. Program ini akan diteruskan sehingga tahun 2018 dan dijangkakan seramai **8,884 orang OKU dan warga emas** akan mendapat manfaat melalui penglibatan **5,000 orang sukarelawan terlatih**.

13. Atas dasar keprihatinan dan sokongan kepada sukarelawan, JKM akan mengiktiraf mereka melalui **Anugerah Sukarelawan JKM Cemerlang dan Anugerah Sukarelawan Khidmat Bantu Di Rumah kepada para sukarelawan yang terpilih**.

14. Di kesempatan ini juga saya suka saya mengumumkan bahawa bermula pada tahun hadapan Kementerian akan **melancarkan program Cari dan Bantu yang melibatkan seramai 25,000 orang sukarelawan** yang akan turun padang membantu JKM **mengesan kes-kes yang memerlukan bantuan dan menyelesaikan masalah** yang dihadapi oleh klien. Para sukarelawan akan dipantau oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat di daerah bagi memastikan urusan **Cari dan Bantu** dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan kepada kumpulan sasar.

KOLABORASI STRATEGIK MELALUI STRATEGI LAUTAN BIRU

15. Sepanjang 70 tahun penubuhan JKM, saya dimaklumkan bahawa Jabatan telah menjalinkan kerjasama pintar dengan pelbagai agensi Kerajaan, syarikat korporat, NGO dan orang perseorangan. Kolaborasi strategik berasaskan pendekatan strategi lautan biru ini ternyata memberikan manfaat kepada kumpulan sasar.

16. Bagi program melibatkan kebajikan dan pembangunan kanak-kanak kementerian melalui JKM telah menjadi rakan strategik kepada KFC Holding, Nestle, AEON, Colgate Palmolive, Great Eastern, Orphan Care, Maybank, AMWAY, UNILEVER, ASTRO, JAKIM dan GIAT MARA.

17. Bagi pemerksaan perkhidmatan kumpulan sasar OKU, JKM mempunyai hubungan rapat dengan JICA, Jabatan Tenaga Kerja, PERKESO, syarikat swasta terutamanya syarikat-syarikat yang memberikan sokongan kepada program *Job Coach* dan pertubuhan bukan kerajaan yang berasaskan OKU.

18. Dalam konteks pemerksaan warga emas pula, JKM telah menjalinkan kerjasama strategik bersama Institut Gerontologi, USIAMAS, Kementerian Kesihatan, Majlis Pusat Kebajikan SeMalaysia (MPKSM), MAKPEM, OUM dan Kolej Komuniti.

19. Dalam pelaksanaan program secara bersepadu di peringkat komuniti, JKM telah menjalankan kerjasama dengan Kementerian Kesihatan bagi pelaksanaan program *Home Help*. Tenaga Nasional Berhad juga turut menghulurkan kerjasama dalam konteks pelaburan jangka panjang melalui pemasangan sistem teknologi solar di institusi

JKM dan di beberapa buah Pertubuhan Sukarela Kebajikan terpilih. Selain itu, Syarikat Penyiaran Satelit ASTRO Broadcast telah menyumbang dana bagi pemasangan ASTRO dan pengwujudan Sudut ASTRO Kasih di beberapa buah institusi kebajikan. Inisiatif ini memberikan manfaat kepada kira-kira **5,000 orang** kanak-kanak, OKU dan warga emas di institusi kebajikan masyarakat.

20. Di dalam bidang pembangunan kerohanian kerjasama dengan JAKIM telah dilaksanakan melalui **Program Khalifah Junior** anak-anak di institusi telah menikmati pelbagai faedah.

21. JKM juga sedang bekerjasama dengan **GIAT MARA** dalam aspek pembangunan kemahiran melalui pemberian **Sijil Kemahiran Malaysia kepada kanak-kanak institusi dan Pelatih Khidmat Masyarakat**. Pemberian ilmu kemahiran ini menjadi nilai tambah yang sangat berharga dan berguna apabila menamatkan pengajian mereka kelak.

Sidang hadirin yang saya muliakan

MKPI KEMENTERIAN BAGI PEMERKASAAN KLIEN JKM

22. Pada tahun hadapan kita akan melangkah ke tahun kedua pelaksanaan Rancangan Malaysia ke 11. Justeru, bagi mengekalkan momentum program RMK 11 tersebut dan kerelevanan JKM sebagai sebuah Jabatan yang terus dekat di hati rakyat dan menunjangi inklusiviti, saya telah mensasarkan **5 penunjuk prestasi** yang perlu dicapai oleh Jabatan pada tahun hadapan iaitu :

- i. JKM bertanggungjawab mengenal pasti **200 produk Prowell yang berpotensi untuk dibangun dan dibuat penilaian bagi tujuan pemasaran yang** akan dinilai melalui kerjasama strategik **Majlis Pemasaran Malaysia.**
- ii. selaras dengan pelaksanaan konsep *diinstitutionalisation* (DI), **JKM akan mengenal pasti seramai 450 orang kanak-kanak yang berada di institusi untuk menjalani program pemeliharaan berasaskan keluarga ganti**
- iii. Seterusnya dengan meneruskan pelaksanaan program yang telah sedia iaitu **memberi kemahiran teknikal kepada seramai 250 orang kanak-kanak di institusi dan memperolehi Sijil Kemahiran Malaysia Tahap Dua melalui program TVET.**
- iv. MKPI yang keempat ialah mensasarkan **seramai 200 orang OKU mendapat pekerjaan dan mengekalkan mereka terus kekal di dalam industri melalui program *Job Coach*.**
- v. Manakala MKPI yang terakhir ialah saya mensasarkan JKM perlu mengenal pasti seramai **30 orang warga emas yang aktif,sihat dan produktif untuk dijadikan sebagai juru latih kesihatan dan penjagaan warga emas.** Dijangkakan melalui program ini seramai **30,000 orang warga emas** yang mengikuti program di PAWE akan mendapat manfaat daripada program ini.

PENUTUP

23. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada semua warga kerja KPWKM terutamanya warga JKM yang telah bertungkus lumus menjayakan majlis ini. Tidak ketinggalan **sekalung penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan strategik** seperti agensi-agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan dan negeri, syarikat-syarikat korporat, NGO, orang perseorangan, para sukarelawan yang turut menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan program selasma ini dan tidak dilupakan kepada semua kumpulan sasar yang berada di sini pada hari ini.

24. Ingatlah bahawa kebajikan adalah tanggungjawab bersama! Berkat Berjasa!

Dengan Lafaz yang mulia, Bismillahirrahmanirrahim **Saya Dengan Sukacitanya Merasmikan Hari Terbuka Kebajikan.**

Sekian,

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warrahmatullah hi wabarakatuh.